

26 NOV 1997

PEMIMPIN APEC MAHU TAMATKAN SEGERA KRISIS KEWANGAN

Oleh: Salmy Hashim

VANCOUVER, 26 Nov (Bernama) -- Para pemimpin Asia Pasifik Selasa bersetuju untuk mengambil langkah segera bagi menamatkan krisis kewangan yang mencengkam ekonomi-ekonomi Asia ketika ini dan memberi perhatian terhadap cadangan Malaysia mengenai kawal selia dagangan mata wang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu sidang akhbar di sini berkata: "kami berpuas hati kerana diberi peluang untuk membincangkan mengenai krisis itu...para pemimpin Apec memberi perhatian serius kepada kami"

Dr Mahathir memberitahu wartawan Malaysia, susulan daripada kesimpulan sidang kemuncak ketua-ketua Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) bahawa beliau diberi waktu yang secukupnya untuk melahirkan pandangan Malaysia mengenai kejatuhan mata wang, dan hampir semua pemimpin Asean bersetuju dengan pendirian Malaysia.

Para pemimpn terbabit juga bersetuju dengan usaha Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk mengkaji masalah yang menjejaskan ekonomi negara-negara membangun akibat serangan spekulator mata wang, kata perdana menteri.

Para pemimpin daripada 18 negara Asia Pasifik telah membincangkan dengan panjang lebar mengenai pembangunan kewangan di rantau berkenaan dan bersetuju bahawa "cabaran baru" ini dalam sistem kewangan antarabangsa memerlukan "tindak balas baru"

Dalam apa yang dilihat sebagai satu kemenangan kepada kem Malaysia, ketua-ketua sidang kemuncak itu mengakui betapa seriusnya krisis tersebut dan keperluan diadakan satu kajian oleh IMF untuk mengkaji sama ada sebarang kawal selia diperlukan dalam dagangan mata wang.

Walaupun tiada kaedah khas diperkenalkan oleh ketua-ketua terbabit, pengakuan oleh ekonomi-ekonomi Apec itu akan memberi tekanan kepada IMF untuk menyiapkan kajian itu dan mengadakan satu pelan bertindak bagi menstabilkan pasaran kewangan, kata seorang delegasi Apec.

Tambahan lagi, deklarasi 21 perkara yang dirumuskan pada kesimpulan sidang kemuncak ketua-ketua Apec selama dua hari itu, ada menyebut mengenai satu kajian oleh IMF terhadap peranan "peserta-peserta pasaran" dalam krisis kewangan yang melanda beberapa negara Asia.

Walaupun terdapat tentangan terhadap sebarang sebutan peniaga-peniaga mata wang atau dagangan mata wang dalam deklarasi itu, tetapi perkataan "peserta-peserta pasaran" adalah kiasan kepada "peniaga-peniaga mata wang", kata seorang delegasi Apec.

Dr Mahathir Mohamad berulang kali menggesa agar diadakan kawal selia terhadap peniaga mata wang yang dikatakannya sebagai bertanggungjawab terhadap krisis mata wang dan pasaran saham yang berlaku di rantau Asia.

Para pemimpin tersebut menghabiskan sepanjang pagi dan sebahagian sesi tengah hari berbincang mengenai krisis kewangan tetapi tidak memasukkan perbincangan mengenai prasarana. Bagaimanapun mereka ada membincangkan persidangan dunia mengenai perubahan iklim yang akan diadakan di Kyoto tidak lama lagi. Pada sesi petang pula, mereka membincangkan kemasukan tiga anggota baru -- Peru, Vietnam dan Russia -- bermula tahun depan.

Mereka bersetuju sepatutnya terdapat moratorium 10 tahun ke atas keanggotaan susulan sidang kemuncak pemimpin Apec seterusnya di Malaysia pada 1998. Bagaimanapun, mereka tidak menyentuh mengenai keanggotaan dalam deklarasi 21 perkara itu.

Sidang kemuncak kelima itu diadakan di Universiti British Columbia

(UBC) yang berusia 81 tahun.

Mereka juga menyokong penuh rangka kerja Manila yang direka bentuk untuk menggalakkan kestabilan kewangan dengan IMF memainkan peranan pusat.

Rangka kerja Manila menggesa diadakan kemudahan kewangan seragam bagi melengkapkan IMF apabila perlu, dan bagi pengawasan rapi yang lebih rapat untuk mencegah sebarang masalah yang bakal timbul di masa hadapan.

Korea Selatan, Indonesia dan Thailand tahun ini telah meminta bantuan kewangan daripada IMF.

Perdana Menteri Kanada Jean Chretien, ketika membacakan deklarasi itu berkata pemimpin Apec tidak akan patah semangat oleh pergolakan kewangan yang berlaku ketika ini dan sebaliknya akan meneruskan usaha-usaha pengliberalan.

Ketua-ketua Asia Pasifik itu juga bersetuju untuk bekerja secara bersungguh-sungguh untuk mencapai rumusan dengan jayanya rundingan-rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mengenai perkhidmatan kewangan menjelang 12 Dis, 1997.

Selain daripada perbincangan utama itu, ketua-ketua Apec juga mengiktiraf betapa pentingnya mempercepatkan tindakan menangani masalah pencemaran alam sekitar dan menegaskan semua anggota Apec boleh memberi sumbangan penting kepada usaha-usaha itu.

Rangka kerja Vancouver bagi meningkatkan perkongsian swasta-awam dalam pembangunan prasarana juga dimasukkan dalam deklarasi itu.

Rangka kerja itu menggesa agar perkongsian sektor swasta-kerajaan menguruskan prasarana yang diperlukan oleh rantau Asia Pasifik bagi memenuhi matlamat sosial dan alam sekitarnya. -- BERNAMA

SH ZK MA